	4.1 Kriteria pemilihan projek	10
	4.2 Carta Perbatuan	10
BAB 5	Fasa Iterate	
	5.1 Proses Pembangunan Projek	11
	5.2 Proses Penambahbaikan Projek	11
BAB 6	Keberhasilan Projek	
	6.1 Pencapaian	13
	6.2 Impak jangka pendek dan jangka panjang	13
	6.3 Potensi pengembangan projek	14
LAMPIRAN		

MAKLUMAT KUMPULAN

BIL	PERKARA	MAKLUMAT	FOTO/LOGO
1	NAMA KUMPULAN	WE ARE WARRIOR	
2	KATEGORI	PRODUK DIAPLIKASI	
3	JABATAN	POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA	
4	KETUA	RUHANA WATI BINTI IRAN	
5	AHLI 1	FAIZAH BINTI YUSOF	

	AHLI 2	WAN NOR HAFIZA BINTI WAN SULAIMAN	
	AHLI 3	NONI LELA HAYATI BINTI AYOB	
	AHLI 4	ZURAIDA BINTI YAACOB	
	AHLI 5	AZUAN BINTI ALIAS	
	AHLI 6	SITI AISHAH BINTI ABD KADIR	
	AHLI 7	SHARIFUDDIN BIN MOHD YUSOF	

RINGKASAN PROJEK

Melalui kerjasama, pengetahuan dan pengalaman sebagai pelancong ahli kumpulan **We Are Warriors** telah berjaya membangunkan satu produk diaplikasi dengan menghasilkan **7 in 1 Ibadah Kit** yang boleh diguna pakai sebagai satu set lengkap kepada pengguna atau pelancong beragama Islam dalam melaksanakan ibadah solat dengan yakin sifat kebersihannya dan kesedaran melaksanakan solat di mana sahaja tanpa halangan.

Pemilihan masalah dilakukan berdasarkan pemerhatian, pengalaman penyelidikan, *brainstorming* dan maklumbalas daripada pengguna. Kajian tinjauan juga digunakan bagi mengumpul data yang diperlukan. Ciptaan produk diaplikasi yang unik ini adalah hasil sesi penerokaan idea kreatif menggunakan kaedah dan teknik kawalan kualiti dengan pemilihan masalah selain *brainstorming*, *votting*, analisis keupayaan masalah dan markah berkriteria turut dilakukan.

Kebersihan adalah faktor kritikal terutamanya di ruang solat awam di mana sejadah dan telekung yang dikongsi tidak memenuhi piawaian kebersihan diri. Dengan mempunyai kit peribadi solat melalui **7 in 1 Ibadah Kit**, ia dilihat mudah dibawa, diselenggara dan setiap individu muslim dapat menunaikan solat dengan cara yang lebih selesa dan bersih tanpa was-was.



1.0 LATARBELAKANG PROJEK

1.1 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pada 11 Julai 2023, kumpulan KIKHB, **We Are Warriors** telah ditubuhkan dan mendapat kelulusan jabatan bagi membangunkan produk diaplikasi iaitu **7 in 1 ibadah Kit**. Surat kelulusan untuk melaksanakan projek ini adalah seperti Lampiran 1.1 (a) dan Lampiran 1.1 (b) dan Lampiran 1.1 (c).



1.2 AHLI KUMPULAN

Ahli kumpulan, logo dan penerangan adalah seperti berikut:


AHLI KUMPULAN



LOGO KUMPULAN




VISI & MISI KUMPULAN



2.0 FASA EMPHATIZE

2.1 KRITERIA PEMILIHAN PRODUK


Produk **7 in 1 ibadah Kit** daripada Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti dicipta setelah mengenalpasti punca masalah bagi pengguna beragama Islam dalam melaksanakan ibadah solat. Kumpulan **We Are Warriors** telah menggunakan alat kawalan dalam mengenalpasti masalah. Berikut adalah kaedah dan proses yang digunakan dalam mengenalpasti punca masalah.



Rajah 1: Proses mengenalpasti masalah

2.2 KAITAN DENGAN FUNGSI JABATAN

Penghasilan produk diaplikasi **7 in 1 Ibadah Kit** ini berkait rapat dengan Visi dan Misi serta *Key Performance Index* (KPI) Politeknik Merlimau.



Rajah 2: Visi dan Misi dan KPI Politeknik Merlimau

2.3 KAITAN DENGAN AGENDA NASIONAL DAN ANTARABANGSA

Produk diaplikasi **7 in 1 Ibadah Kit** telah memenuhi kehendak **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025** di mana ia mempunyai **Lonjakan 2** iaitu kecemerlangan bakat dan **Lonjakan 7** merujuk kepada ekosistem inovasi. Produk ini juga dapat memenuhi **Transformasi Nasional** iaitu **Teras 3** yang menjadikan persekitaran yang selamat, lestari, efisien dan menyediakan kehidupan yang sihat.



Rajah 3: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025

Manakala, di peringkat global produk **7 in 1 Ibadah Kit** juga boleh dikaitkan dengan tiga (3) matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG) yang telah diperkenalkan pada 2023 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Perkaitan dengan SDG 3 – *Good Health and Well Being* adalah kerana produk ini dihasilkan untuk memastikan tahap kebersihan dan kesucian dalam melaksanakan ibadah solat yang penting untuk kesihatan dan kesejahteraan sejagat.

Kebersihan yang terjaga akan membantu daripada penularan penyakit atau jangkitan yang disebabkan penggunaan telekung atau sejadah yang kotor. Bagi SDG 11 – *Sustainable Cities and Communities* – adalah berkaitan dengan menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih lestari dan bertoleransi. Produk ini memudahkan pelancong Muslim dalam melaksanakan ibadah solat di mana sahaja. Manakala SDG 16 – *Peace Justice and Strong Institutions*, dengan penciptaan produk **7 in 1 Ibadah Kit** ia dapat membantu menggalakkan keamanan dan kesefahaman antara pelancong dan komuniti tempatan dalam melaksanakan ibadah solat dan dapat mengurangkan salah faham budaya.



Rajah 4: Matlamat Sustainable Development Goals SDG

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Berdasarkan kajian tinjauan dilakukan mendapati selain peralatan solat seperti telekung yang tidak diselenggara dengan baik, ada sesetengah tandas dijadikan tempat mengambil wuduk.




Rajah 5: Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa

3.0 FASA DEFINE

3.1 KANVAS STRATEGI SEDIA ADA


Ekosistem sedia ada yang dinyatakan di atas digambarkan melalui Kanvas Strategi Sedia Ada seperti Rajah 6 dibawah:



Rajah 6: Kanvas Strategi Sedia Ada

3.2 CADANGAN PENYELESAIAN: KERANGKA 4 LANGKAH E.R.R.C Grid dalam NBOS

Cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah ekosistem sedia ada adalah dengan menggunakan Kerangka 4 Langkah E.R.R.C Grid dalam NBOS. Melalui keadah ini, punca yang menyumbang kepada masalah akan dikategorikan dan diselesaikan mengikut langkah E.R.R.C (*Eliminate, Reduce, Raise and Create*) seperti Rajah 7 di bawah:



Rajah 7: Kerangka 4 Langkah E.R.R.C Grid dalam NBOS

3.3 STRATEGI PENYELESAIAN MASALAH: KERANGKA 4 LANGKAH E.R.C.C GRID DALAM NBOS


Data yang telah dikumpul selanjutnya digunakan di dalam merangka langkah strategi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Perincian strategi dan sasaran penambahbaikan ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Sasaran Penambahbaikan

STRATEGI MENGATASI MASALAH Kerangka 4 Langkah E.R.R.C Grid dalam NBOS				
	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	TERCAPAI
ELIMINATE	Menggunakan peralatan ibadah di tempat awam yang tidak bersih	100	0	0
REDUCE	Keperluan membawa banyak peralatan ibadah secara berasingan.	100	50	50
RAISE	Kos pembelian kit ibadah kepada pengguna.	40	60	60
RAISE	Kesedaran untuk menunaikan solat di mana sahaja dengan ibadah kit yang lengkap.	50	100	100
CREATE	Cipta satu penyelesaian komprehensif untuk pelancong muslim yang memastikan kebersihan, kemudahan, dan keselesaan	Teroka idea menghasilkan produk inovasi yang membantu pelancong/pengguna melaksanakan solat dalam keadaan bersih, kompak, lengkap dan selesa dengan menghasilkan produk 7 in 1 Ibadah Kit		

3.4 TINDAKAN PENYELESAIAN: KANVAS STRATEGI “TO BE”

Strategi seterusnya ditetapkan melalui cadangan yang digambarkan dalam “Kanvas Strategi To-be” seperti Rajah 8 di bawah:



Rajah 8: Kanvas Strategi “To Be”

4.0 FASA IDEATE

4.1 KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

Ciptaan inovasi bermula dengan pemerhatian dan tinjauan melalui soal selidik bagi mengenalpasti isu dan permasalahan yang wujud dan perlu diselesaikan di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau. Isu-isu ini disenarai pendek mengikut keutamaan dan keperluan penyelesaian segera melalui tinjauan. Cadangan penyelesaian pula dikenalpasti melalui tinjauan bagi menentukan kaedah atau alat yang ringkas dan mudah dicapai. Proses penghasilan idea-idea ini diterjemahkan melalui Kaedah 5W1H seperti Rajah 9.



Rajah 9: Proses penghasilan idea

4.2 CARTA PERBATUAN



Rajah 9: Carta Perbatuan

5.0 FASA ITERATE

5.1 PROSES PEMBANGUNAN PRODUK

Produk **7 in 1 Ibadah Kit** ini dibangunkan berdasarkan masalah yang telah dikenalpasti berkenaan dengan isu kebersihan dan kesucian peralatan ibadah solat.



Rajah 10: Lakaran produk 7 in 1 Ibadah Kit

5.2 PROSES PENAMBAHBAIKAN PRODUK

Produk **7 in 1 Ibadah Kit** telah melalui proses penambahbaikan daripada 11 in 1 Ibadah Kit. Pembangunan produk **7 in 1 Ibadah Kit** dilakukan selepas prototaip pertama dibangunkan dan ujilari pertama dilakukan. Hasil daripada maklum balas yang diperolehi, 11 in 1 Ibadah Kit telah diubahsuai menjadi **7 in 1 Ibadah Kit**. Pengurangan jumlah item, material dan saiz telah ditambahbaik. Setelah prototaip kedua dibangunkan, ujilari kedua dijalankan. Hasil dapatan yang digunakan untuk menghasilkan produk akhir iaitu **7 in 1 Ibadah Kit** yang mempunyai tujuh (7) item peralatan ibadah iaitu beg, kompas, botol debu tayammum, botol wuduk, sejadah, telekung atau kain sarung dan stokin atau kopiah mengikut keperluan muslimin dan muslimat. Rajah 11 menunjukkan proses penambahbaikan produk **7 in 1 Ibadah Kit**.



Rajah 11: Proses Penambahbaikan produk 7 in 1 Ibadah Kit



Rajah 12: Perbezaan Prototipe 1 dan Prototipe 2

Jadual 2: Pebezaan Prototipe 1 dan Prototipe 2

PERBEZAAN PROTOTAIP 1 & PROTOTAIP 2		
Produk	11 in 1 Ibadah Kit	7 in 1 Ibadah Kit
Kandungan	1.Beg 2.Tasbih Digital 3.Sejadah 4.Telekung / Kain Sarung 5.Kompas 6.Debu Tayammum 7.Botol Spray 8.Stokin / Kopiah 9.Minyak Attar 10.Tuala Kecil 11.Kayu Sugi	1.Beg 2.Sejadah 3.Telekung / Kain Sarung 4.Kompas 5.Debu Tayammum 6.Botol Spray 7.Stokin / Kopiah
Saiz beg	- Panjang 12 inci - Lebar 9 inci	- Panjang 9.4 inci - Lebar 9 inci

6.0 KEBERHASILAN PROJEK

6.1 Pencapaian

Produk **7 in 1 Ibadah Kit** telah mendapat **Silver Medal** di *Virtual Asia Innovation Show* pada tahun 2022 seperti di Lampiran 4 dan mendapat **Bronze Award** di *International Hospitality & Education Invention Innovation & Design* pada tahun 2023 seperti di Lampiran 5.

Produk **7 in 1 Ibadah Kit** juga telah berjaya menyelesaikan masalah menggunakan kelengkapan solat dan tempat mengambil wuduk yang tidak bersih dan selesa di tempat awam serta mudah untuk menunaikan solat walau di mana berada



Rajah 13: Kenalpasti punca masalah

Untuk melihat sejauh mana **penerimaan pengguna terhadap produk 7 in 1 Ibadah Kit** ini, satu tinjauan melalui soal selidik telah dilaksanakan bersama pensyarah di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Dapatan daripada soal selidik yang dibuat terhadap 25 orang pensyarah di JPH adalah didapati bahawa keseluruhan penerimaan responden terhadap produk ini adalah tinggi (Lampiran 6)

6.2 Impak Jangka Pendek dan Jangka Panjang

Penghasilan 7 in 1 Ibadah Kit telah berjaya mengatasi punca **kelengkapan solat yang tidak diselenggara dengan baik, tempat wuduk yang tidak sesuai dan tiada kelengkapan solat untuk menunaikan solat di mana-mana** sewaktu melakukan perjalanan mahupun melancong dengan pencapaian kesan jangka pendek dan panjang yang berikut:



Rajah 14: Impak produk 7 in 1 Ibadah Kit

6.3 Potensi Pengembangan Projek

Produk **7 in 1 Ibadah Kit** telah pun **didaftarkan di bawah Pendaftaran Harta Interlek (MyIPO)** seperti Lampiran 2 untuk melindungi ciptaan inovator. Produk **7 in 1 Ibadah Kit** juga telah mendapat sokongan Ketua Jabatan (Lampiran 3) dan rakan-rakan pensyarah yang telah menggunakannya. Maklumbalas positif untuk potensi pengembangan juga telah diberikan seperti berikut:



Rajah 15: Maklumbalas pengguna terhadap 7 in 1 Ibadah Kit

LAMPIRAN

Lampiran 1.1 (a): Surat Lantikan Ahli Penyelidik



MEMO ANTARA JABATAN DAN UNIT

Daripada : Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

Kepada : Pensyarah Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (Seperti di Lampiran 1)

Salinan Kepada : Fail Jabatan

Tarikh: 5 Februari 2020

No. Fail: PMM.JPH.500-12/4 Jld.7 ()

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI PENYELIDIK

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dilantik sebagai Penyelidik bagi menjalankan kajian bagi Projek Penyelidikan dan Inovasi di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti bagi tahun 2020 – 2023. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan menambahbaik peroses kerja di samping memberi peluang kepada staf bagi menghasilkan kertas penyelidikan dan inovasi secara berkumpulan.

3. Bersama-sama ini juga disertakan Carta Organisasi (Lampiran 2) serta Perancangan Projek Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti bagi tahun 2020 – 2023 yang telah dibincangkan oleh Ketua Jabatan bersama Ketua Penyelidik (Lampiran 3).

4. Semoga dengan pelantikan ini, tuan/puan dapat melaksanakan projek penyelidikan dan inovasi ini dengan jayanya. Kerjasama daripada pihak tuan/puan di dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRULAZAM BIN ANNUAR)
Ketua Jabatan
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Merlimau, Melaka

Lampiran 1

SENARAI PENYELIDIK PROJEK PENYELIDIKAN DAN INOVASI JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI BAGI TAHUN 2020 -2023

Bil.	Nama Ahli Penyelidik
1.	Zuraida binti Yaacob
2.	Noni Lela Hayati binti Ayob
3.	Ruhana Wati binti Iran
4.	Faizah Binti Yusof
5.	Azuan Binti Alias
6.	Siti Aishah Binti Abdul Kadir
7.	Muaini Hanik Zunairah Binti Hj Haron
8.	Dek Afifa Binti Nordan
9.	Hamidah Noor binti Md Yusoh
10.	Norshila Binti Md Isa
11.	Esfahanim Binti Dolfatah
12.	Nur Haniza Binti Ewandi Jong
13.	Normala Binti Sulaiman
14.	Elena Sabrina Binti Ismail
15.	Halimatul Muna Binti Mohd Din
16.	Norlida Binti Osman
17.	Surina Binti Nordin
18.	Aylin Binti Kamaruddin
19.	Wan Nor Hafiza Binti Wan Sulaiman
20.	Dayang Kamariah Binti Tajul Maulok
21.	Hanis Aliaa Binti Ramley
22.	Nur Syamsina Binti Ab Aziz

Lampiran 1.1 (b): Surat Lantikan Kumpulan Penyelidik JPH Tahun 2023



MEMO

Daripada : Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

Kepada : Senarai Edaran Seperti di Lampiran 1

Salinan : Fail

Tarikh: 11 Ogos 2023

No. Fail: PMM.JPH.500-12/4 JLD.11 (100)

Tuan/Puan,

PERLANTIKAN SEBAGAI KUMPULAN PENYELIDIKAN JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI TAHUN 2023


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan dilantik sebagai penyelidik sepertimana yang tersenarai dalam **Lampiran 1** berkuatkuasa **1 Ogos 2023**.
- Sehubungan dengan itu diharapkan tuan/puan dapat memberikan komitmen yang tinggi dan penuh dedikasi bagi menjayakan kertas penyelidikan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAHARIZUAN BIN AZHAR)
Ketua Jabatan
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Merlimau, Melaka.

C:\PMM\Utar\2023\memo_penyelidik_ni

LAMPIRAN 1

SENARAI NAMA PENSYARAH

NO.	NAMA	
1	Ruhana Wati binti Iran Faizah binti Yusof Wan Nor Hafiza binti Wan Sulaiman Siti Aishah binti Abd Kadir Noni Lela Hayati binti Ayob Zuraida binti Yaacob Azuan binti Alias Sharifuddin bin Mohd Yusof	ACCEPTENCE TOWARDS "7 IN 1" IBADAH KIT PRODUCT FOR MUSLIM TRAVELLER

Lampiran 1.1 (c): Surat Pelantikan Ahli KIKHB 2024



MEMO PEJABAT TIMBALAN PENGARAH

Daripada	Timbalan Pengarah (Akademik)
Kepada	Seperti edaran lampiran
Salinan	Pengarah: Ketua Jabatan JKA/JKE/JKM/JP/JPH/JMSK/JPA Ketua Kluster Tadbir Urus
Tarikh	09 Mei 2024 No. Fail PMM.UPIK.100 -12/12 jld 1(8)

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF POLITEKNIK MERLIMAU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan tuan/puan dilantik sebagai ahli **Kumpulan Inovatif Dan Kreatif PMM** berkuatkuasa mengikut tarikh memo ini dikeluarkan.

3. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan dengan idea dan kreativiti yang dihasilkan ianya dapat menjadikan kualiti perkhidmatan di jabatan dan unit menjadi semakin efisien dan cemerlang.

Kerjasama dan usaha tuan/puan di dalam perkara di atas amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BIJAK LASKANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr. MOHAMAD KELANA BIN JUWIT)
Timbalan Pengarah (Akademik)
Politeknik Merlimau

wamnorhafizamemo@kikhb

TAJUK PROJEK	ACCEPTENCE OF MUSLIM FRIENDLY PRODUCT "7 IN 1 IBADAH KIT" FOR TRAVELLER		
NAMA KUMP.	We Warriors		
BIL.	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1	RUHANA WATI BINTI IRAN (Ketua)	Pensyarah Kanan (DH48)	JPH
2	FAIZAH BINTI YUSOF	Pensyarah (DH44)	JPH
3	WAN NOR HAFIZA BINTI WAN SULAIMAN	Pensyarah Kanan(DH48)	JPH
4	NONI LELA HAYATI BINTI AYOB	Pensyarah Kanan(DH48)	JPH
5	ZURAIDA BINTI YAACOB	Pensyarah Kanan (DH48)	JPH
6	SITI AISHAH BINTI ABD KADIR	Pensyarah Kanan (DH48)	JPH
7	HJH AZUAN BINTI ALIAS	Pensyarah Kanan(DH48)	JPH
8	SHARIFUDDIN BIN MOHD YUSOF	Pensyarah Kanan(DH48)	JPH

Telusah!



Sr. MOHAMAD KELANA BIN JUWIT
Timbalan Pengarah (Akademik)
Politeknik Merlimau
9-5-2024

17

Lampiran 2: Surat daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia

 **PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA**
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA
(Diperbadankan)
Unit 1-7 & Mezzanine, Aras 12-19
Tower B, Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : +603 - 2299 8400
Faks(Fax) : +603 - 2299 8989
Laman Web (Web) : www.myipo.gov.my



RUHANA WATI BINTI IRAN
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA,
KB1031 PEJABAT POS MERLIMAU
77300 MERLIMAU MELAKA
MALAYSIA

LCR01


NOTIS PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
(Seksyen 26A Akta Hak Cipta 1987)

Tuan/Puan

Sukacita dimaklumkan, maklumat butiran Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta tuan/puan telah direkodkan ke dalam Daftar Hak Cipta sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta Hak Cipta 1987. Butiran Pemberitahuan Hak Cipta adalah seperti berikut:

BUTIRAN KARYA

TAJUK KARYA : ACCEPTENCE MUSLIM TRAVELES TOWARDS "7IN 1" IBADAH KIT AS MUSLIM FRIENDLY PRODUCT

KATEGORI KARYA : SASTERA

TARIKH KARYA DICIPTA : 18 JULAI 2022

TEMPAT PENERBITAN YANG PERTAMA : TIDAK BERKAITAN

NO. PEMBERITAHUAN : CRLY2022W02774

NO. PERMOHONAN : LY2022W02774

TARIKH PERMOHONAN : 18 JULAI 2022

BUTIRAN PENCIPTA

NAMA PENCIPTA : RUHANA WATI BINTI IRAN

NRIC / NO. SYARIKAT : 780207016414

WARGANEGARA : MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)





AKTA HAK CIPTA 1987
PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012
SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
[Subperaturan 8(2)]

No. Pemberitahuan : CRLY2022W02774

Tajuk Karya : ACCEPTENCE MUSLIM TRAVELES TOWARDS "7IN 1" IBADAH KIT AS MUSLIM FRIENDLY PRODUCT

Jenis Karya : SASTERA

Tarikh Permohonan : 18 JULAI 2022

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **RUHANA WATI BINTI IRAN (780207016414), MUHAMMAD LUQMAN QARIN BINTI MARHALIM (010227040031), NUR HIDAYU BINTI NIZAMUDDIN (010126050492), SHARLINI A/P SHANMUGAN (010402011036)** sebagai **PEMUNYA** dan **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].



ABDUL HARIS BIN HAJI LAKAR
PENGAWAL HAK CIPTA
MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)



Lampiran 3: Surat Penghargaan oleh Ketua Jabatan Pelancongan & Hospitaliti



POLITEKNIK MERLIMAU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
77300 MERLIMAU
MELAKA



Tel : 06 – 263 6687
Faks: 06 – 263 6678
Laman Web : www.pmm.edu.my
Facebook : Politeknik Merlimau-PMU

Rujukan Kami : PMM.JPH.100 -9 JLD 2 (1)
Tarikh : 4 Jun 2024

KUMPULAN WE ARE WARRIOR

Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizan Baharu (KIKHB)
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Merlimau
Melaka

Tuan/Puan,

UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH ATAS PENGLIBATAN DALAM PEMBANGUNAN PRODUK DIAPLIKASI JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan tuan/puan dalam pembangunan produk diaplikasi yang diguna oleh warga JPH.

3. Pihak kami memberikan sokongan penuh akan usaha murni pihak tuan/puan dalam penghasilan produk ini. Semoga usaha ini akan berterusan di masa akan datang.

Sekian.

"BIJAKSANA LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.


(ZAHARIZUAN BIN AZHAR)

Ketua Jabatan
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti
Politeknik Merlimau
Melaka.

LAMPIRAN 1

KUMPULAN WE ARE WARRIOR

Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizan Baharu (KIKHB) 2024
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

NO.	NAMA	
1	Ruhana Wati binti Iran Faizah binti Yusof Wan Nor Hafiza binti Wan Sulaiman Siti Aishah binti Abd Kadir Noni Lela Hayati binti Ayob Zuraida binti Yaacob Azuan binti Alias Sharifuddin bin Mohd Yusof	ACCEPTENCE TOWARDS "7 IN 1" IBADAH KIT PRODUCT FOR MUSLIM TRAVELLER


ZAHARIZUAN BIN AZHAR
KETUA JABATAN
JABATAN PELANCONGAN DAN
HOSPITALITI
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Lampiran 4: Sijil Anugerah Asia Innovation Show 2022



Lampiran 5: Sijil Anugerah International Hospitality & Education Invention Innovation & Design 2023




Lampiran 6: Jadual Analisis Data Soal Selidik Tahap Penerimaan Pensyarah Di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Terhadap Penggunaan Produk 7 in 1 Ibadah Kit sebagai Produk Mesra Muslim.

Bil.	Item yang dinilai	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Pasti (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
1.	Agihan kelengkapan solat yang fleksibel.				24%	76%
2.	Produk ini dapat membantu anda untuk melaksanakan solat semasa dalam perjalanan.				35%	65%
3.	Produk ini dapat membantu menyelesaikan masalah tiada air untuk mengambil Wudhu' ketika melancong.				12%	88%
4.	Produk ini dapat membantu menyelesaikan masalah mencari arah kiblat semasa dalam perjalanan.				17%	83%
5.	Produk ini dapat membantu menyelesaikan masalah surau yang tidak menyediakan telekung/Sarung.			2%	11%	87%
6.	Produk ini dapat membantu dalam menyelesaikan isu surau yang tidak menyediakan sejadah.			2%	12%	86%



VIDEO EKOSISTEM SEMASA 1



VIDEO EKOSISTEM SEMASA 2

AMALAN

TERBAIK INOVASI

JABATAN PENGAJIAN AM



Konvensyen KIK

Horizon Baharu, PMM



SOLAT SMART BOARD



MOHD HAIKAL 'AKASHAH BIN MD NOR

Politeknik Merlimau

MOHD LOKMAN BIN AHMAD

Politeknik Merlimau

NUR FARHANA BINTI MISNO

Politeknik Merlimau

NORAFIDAH BT HJ. ABDULLAH

Politeknik Merlimau

RINGKASAN EKSEKUTIF:

1. **Smart Solat Board** adalah projek inovasi yang menekankan tentang penguasaan pengetahuan asas solat merangkumi rukun-rukunnya, syarat-syarat dan perkara yang membatalkannya. Projek ini tercetus rentetan daripada pengajaran dan pembelajaran yang terlibat di dalam silibus kursus yang ditawarkan di Jabatan Pengajian Am di Politeknik seluruh Malaysia antaranya **Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam (MPU23052)**, **Pengajian Islam (MPU23012)** dan **Pelancongan & Hospitaliti Dalam Islam (MPU23072)**.
2. Terdapat 4 elemen utama solat yang diberikan penekanan dalam **Smart Board Solat** ini. Iaitu **Rukun Solat (13)**, **Syarat Wajib Solat (6)**, **Syarat Sah Solat (6)** dan **Perkara Yang Membatalkan Solat (13)**. Objektif Smart Solat Board ini direkacipta adalah untuk meningkatkan kebolehan dan kefahaman pelajar dalam mempraktikkan solat dengan teratur dan tertib di dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Papan permainan ini juga boleh dijadikan sebagai **ABBM yang menyokong pembelajaran aktiviti berpusatkan pelajar** di dalam kelas dengan **100% penglibatan (kolaboratif) pelajar** di dalam sesi pembelajaran, **100% elemen komunikasi** telah diterapkan seterusnya dapat **memansuhkan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara konvensional** sebelum penilaian dilaksanakan berkaitan dengan kursus yang dinyatakan diatas iaitu **Amali Solat**.
3. **Smart Solat Board** ini adalah mengambil idea dari permainan ‘**dam ular**’ berfungsi dengan cara permainan dalam kumpulan kecil (4-5 orang) dan dimulakan dengan **membaling dadu dan mengerakkan token** mengikut bilangan dadu yang dibaling. Pemain perlu menyatakan jawapan berdasarkan nombor di papan permainan. Pemain perlu memberi jawapan yang betul untuk meneruskan permainan. Sekiranya jawapan salah, pemain perlu berundur ke kotak **MULA**. **Pemenang adalah orang pertama yang menamatkan permainan**.
4. Ciptaan inovasi yang unik ini adalah hasil sesi penerokaan idea-idea kreatif menggunakan pelbagai kaedah dan teknik kawalan kualiti bermula dengan pemilihan masalah melalui **percambahan minda (brainstorming)** dan merujuk kepada Buku yang telah ditulis dan dicetak oleh semua tenaga pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau Melaka. Pemilihan senerai penyelesaian masalah pula menggunakan **Teknik Analisa Data Matrik**. Dan seterusnya penyelesaian masalah menggunakan kaedah **fish bone**. Pemantauan secara kaedah aplikasi permainan di dalam bilik kuliah digunakan bagi tujuan kutipan data. Beberapa siri ujian dilakukan untuk menguji tahap kebolehpercayaan, keefisienan dan kebolehgunaan **Smart Solat Board**.
5. Inovasi ini juga adalah sesuai untuk digunakan oleh semua pelajar di pelbagai peringkat iaitu di peringkat **Pra-Sekolah, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, dan IPT**. Hal ini adalah kerana tajuk ini adalah relevan untuk semua peringkat kerana solat adalah kefarduan yang diamalkan sepanjang hidup dan kita sentiasa boleh meningkatkan kefahaman dan pengetahuan tentangnya.

SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK:

1. Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) Jabatan Pengajian AM, Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) telah mencipta satu inovasi ABBM yang dikenal sebagai **Solat Smart Board**. Inovasi ini terhasil daripada kreativiti kumpulan untuk membangunkan ABBM Islamik yang berasaskan papan permainan didik hibur (*edutainment*) bagi menyokong Pembelajaran Abad ke 21.
2. Projek ini berkait rapat dengan **perancangan strategik inovasi bagi mencapai KPI** yang ditetapkan oleh Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik (PPPP), Jabatan Pengajian Politeknik **melalui produk inovasi yang diaplikasi** pada pelbagai peringkat. Produk yang diaplikasi merupakan salah satu strategi ke arah memantap penyelidikan hasil inovasi politeknik. Secara tidak langsung, projek inovasi ini dapat digunakan dan diaplikasi oleh semua lapisan masyarakat khususnya pendidik dan pelajar. Ia juga selaras dengan piawaian asas Pembelajaran Abad Ke-21 (**PAK21**) iaitu komunikasi, kolaboratif, kreatif serta bernilai murni.
3. Rasional pemilihan projek ini adalah daripada pengalaman pensyarah yang **sukar melaksanakan pembelajaran dengan penglibatan 100% pelajar di dalam kelas**. Ia juga dapat dibuktikan melalui pemerhatian rambang di PMM semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) khasnya yang melibatkan kursus teori berdasarkan konsep *5 Why's* dalam mengenalpasti punca masalah.

RAJAH 1: KONSEP 5 WHY



4. **EKOSISTEM SEMASA SEDIA ADA:** Sebelum projek dilaksanakan, sesi PdP bagi kursus Pengajian Islam (MPU23012) di bawah subtopik "Islam Sebagai Cara Hidup" dijalankan secara konvensional iaitu konsep *chalk and talk* sahaja. Ini kerana subtopik ini melibatkan teori beserta amali solat yang dianggap sebagai kewajipan harian umat Islam. ABBM yang digunakan bagi kursus ini hanyalah modul dan *LCD projector*. Ini menyebabkan **sesi PdP menjadi sehalu** di mana pensyarah sebagai penyalur input dan pelajar hanya menyerap input yang disampaikan sahaja dan dibuktikan dalam bentuk praktikal solat.

Kurang berlaku kolaborasi (pelajar tidak mempunyai hubungan yang erat antara satu sama), komunikasi (murid tidak berinteraksi antara satu sama lain) dan kreativiti (konsep mudah mengingat fakta) di dalam kelas.

5. Selain itu, berdasarkan kepada pemerhatian dan carian daripada pelbagai sumber seperti kedai buku, institusi pengajian lain dan Perbadanan Harta Intelek, **tiada ABBM yang berbentuk *edutainment* berkonsepkan “Seronoknya Solat”** yang sesuai digunakan untuk sesi PdP kursus Pengajian Islam.

6. Masalah ini jika tidak diatasi, akan memberi impak negatif terhadap ***Taxonomy of Affective Domains*** yang menjurus kepada aktiviti **Fenomena Penerima (A1)** dan **Memberikan Respons kepada Fenomena (A2)**.

7. Kumpulan KIK JPA telah mengatur strategi bagi mengatasi masalah yang diterangkan di atas dengan menggunakan kaedah **Analisa Konsep S.C.A.M.P.E.R**. Jadual 1 di bawah menggambarkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu ketiadaan ABBM yang bersesuaian bagi kursus teori (bidang Pengajian Islam).

JADUAL 1: KONSEP SCAMPER

No.	KONSEP	KETERANGAN
1.	S – <i>Substitute</i>	Menggantikan buku kepada papan permainan.
2.	C – <i>Combine</i>	Menggabungkan modul dengan permainan.
3.	A – <i>Adapt</i>	Menyesuaikan papan permainan dengan tahap pelajar.
4.	M – <i>Modify</i>	Mengubah suai konsep permainan dam ular kepada <i>solat smart board</i> .
5.	P – <i>Put to other users</i>	Merapatkan silaturrahim antara pemain.
6.	E – <i>Eliminate</i>	Memansuhkan imej ular dalam papan permainan.
7.	R – <i>Reverse</i>	Menerapkan semangat menghafal untuk menang. Sekiranya gagal pada mana-mana petak, pemain dikehendaki mengundur langkah dan cuba mengingat semula.

TINDAKAN PENYELESAIAN:

1. Ahli-ahli kumpulan Ahlam telah berjaya menyelesaikan masalah ketiadaan ABBM bagi kursus teori (bidang Pengajian Islam) dengan terciptanya ABBM berbentuk *edutainment* yang **dinamakan Smart Solat Board**. Ciptaan ini hasil daripada kerjasama, pengetahuan dan pengalaman sebagai pendidik serta kajian lapangan yang telah dijalankan.

PEMBUKTIAN

8. Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) Jabatan Pengajian AM, Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) telah menjalankan projek Solat Smart Board (SSB) ini dengan 50 pelajar Asasi TVET, sesi I : 2023/2024, 60 orang pelajar tahun 4 dan 6 di Sekolah Kebangsaan Sempang Merlimau Melaka dan 30 orang pelajar di Akademi al-Quran An-Nur di Taman Merlimau Permai, Melaka.

9. Projek ini bersesuaian dengan subjek Pendidikan Islam yang diajar oleh Pensyarah Jabatan Pengajian Am yang merujuk Konsep Asas Islam Dalam Amali Solat di Politeknik seluruh Malaysia. SSB ini juga menjurus kepada semua pelajar yang beragama Islam di semua peringkat pendidikan. Tujuan SSB ini adalah memudahkan cara menghafaz bacaan dalam Solat dan Rukun Solat dan ini membantu pelajar untuk menjalankan Amali Solat bagi tujuan penilaian subjek berkaitan.


10. SSB ini juga boleh dikategorikan sebagai Bahan Bantuan Mengajar yang sangat menjimatkan masa dan kos. Grafik yang digunakan dalam pembikinan SSB ini juga menggunakan konsep Dam Ular dan sekiranya pelajar tidak dapat menjawab, pelajar terpaksa turun dari kotak yang sedang pelajar bergerak. Tujuan utama SSB ini dicipta adalah dengan bertujuan membentuk muslim yang berkualiti, di mana pelajar sebagai individu muslim yang menjaga kualiti solat mereka. Muslim yang berkualiti dalam kontek meningkatkan kemahiran pelajar terhadap 4 elemen penting dalam Solat iaitu Rukun Solat, Syarat Sah Solat, Syarat Wajib Solat dan Perkara yang Membatalkan Solat.

JADUAL 1: PENGGUNAAN INOVASI


BIL.	SEBELUM inovasi dibangunkan	SELEPAS inovasi dipraktikkan
1.	Pelajar sukar mengingat fakta-fakta berkaitan Rukun Solat, Syarat Sah Solat, Syarat Wajib Solat dan Perkara-perkara yang membatalkan solat.	Pelajar lebih mudah mengingat fakta-fakta berkaitan Rukun Solat, Syarat Sah Solat, Syarat Wajib Solat dan Perkara-perkara yang membatalkan solat.
2.	Kaedah pembelajaran konvensional.	Kaedah pembelajaran gamifikasi.
3.	Sesi pembelajaran kurang menyeronokkan.	Sesi pembelajaran lebih menyeronokkan.
4.	Pensyarah menggunakan alatan sedia ada.	Pensyarah mempunyai lebih pilihan dalam mempelbagaikan alat bantu mengajar dengan kos yang berpatutan.

JADUAL 2 : KAJIAN KEBERKESANAN INOVASI

Soalan Demografi (Analisa Pre & Post Test)




Graf 1 : Jantina



Graf 2 : Program

Seksyen 2 : Persepsi tentang Solat Smart Board (Analisa Pre & Post Test)




Graf 3 :Analisa Pre Test




Graf 4 :Analisa Post Test

Soalan Seksyen 2(A): Pengetahuan Asas Tentang Solat.

1. Rukun Solat ada _____ perkara.
2. Syarat Wajib Solat ada _____ perkara.
3. Syarat Sah Solat ada _____ perkara.
4. Perkara yang Membatalkan Solat ada _____ perkara.



Graf 5 : Analisa Pre Test



Graf 6 : Analisa Post Test

Soalan Seksyen 2(B): Pengetahuan Terperinci Tentang Solat.

1. Meninggalkan bacaan Surah Al-Fatihah hukumnya sah solat.
2. Bacaan selawat ke atas Nabi pada tahiyyat akhir adalah wajib.
3. Sujud adalah sebanyak sekali dalam solat.
4. Tertib adalah tidak perlu dalam mengerjakan solat.
5. Syarat Wajib Solat adalah beragama Islam.
6. Berakal adalah salah satu Syarat Wajib Solat.
7. Menutup aurat adalah salah satu Syarat Sah Solat.
8. Solat boleh dilaksanakan walaupun tidak yakin masuk waktu.
9. Boleh ketawa terbahak-bahak di dalam solat.
10. Berpaling dari arah kiblat menyebabkan batalnya solat.


Seksyen 3: Keberkesanan Solat Smart Board

Soalan Seksyen 3(A): Kefahaman.

1. Solat Smart Board membantu meningkatkan kefahaman saya dalam mengerjakan solat.
2. Solat Smart Board membantu meningkatkan motivasi untuk saya belajar tentang solat.
3. Solat Smart Board wajar diteruskan sebagai aktiviti tambahan di dalam kelas.

Soalan Seksyen 3(B): Keberkesanan Penyampaian.

1. Penyampaian penceramah sangat berkesan.
2. Solat Smart Board sangat mudah untuk difahami.
3. Pengisian program adalah sangat sesuai.



GAMBAR



KEBERHASILAN PROJEK (OUTCOME DAN IMPAK PROJEK):

25. OUTCOME PROJEK:

PENCAPAIAN:

KESAN JANGKA PENDEK

- Kesan Inovasi SSB ini ialah telah berhasil **mewujudkan ABBM** bagi matapelajaran **Pendidikan Islam** di mana-mana peringkat yang menyokong pembelajaran **berpusatkan kepada murid** dengan **100% penglibatan (kolaboratif)** pelajar di dalam sesi pembelajaran, **100% elemen komunikasi** telah diterapkan seterusnya dapat **memansuhkan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara konvensional**.
- Melalui pemerhatian, keputusan menunjukkan **minat serta kefahaman pelajar meningkat** dalam topik Solat. Hal ini boleh dilihat daripada reaksi pelajar-pelajar yang terlibat dalam sesi ujilari.
- Berdasarkan kepada ujilari kesahan produk, **kedua-dua pakar berpuas hati** daripada aspek **kandungan dan rekabentuk** manakala ujilari oleh pengguna sasar menunjukkan **100% responden berpuas hati terhadap aspek laras bahasa, fakta, kandungan, grafik dan rekabentuk**.

- Pengesahan **penggunaan SSM sebagai ABBM** dalam pelaksanaan PdP turut diakui oleh Ketua Kursus Pendidikan Islam dan Moral serta Ketua Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau pada 2 Jun 2024. Kedua-duanya mengakui bahawa **produk mampu menarik minat dan motivasi pelajar** untuk memahami peristiwa hijrah Rasulullah swt.

KESAN JANGKA PANJANG

- SSB juga dijangka akan **menjadi salah satu papan permainan berkonsep edutainment yang popular dan menjadi permainan rakyat** yang mudah dimainkan dengan harga yang mampu milik sepertimana permainan dam ular.
- SSB turut disasarkan akan menjadi **ABBM utama bagi kursus tertentu** yang digunakan oleh organisasi seperti sekolah rendah, sekolah menengah, politeknik, Institut Pendidikan Guru, IPT serta Pusat Pemulihan dalam Komuniti.

26. NILAI TAMBAH:

- SSB boleh memberi **peluang keusahawanan dengan lantikan beberapa agen** di beberapa negeri untuk mempromosikan dan memasarkan produk ini di kawasan mereka
- SSB secara tidak langsung boleh **memperkenalkan dan mempromosikan PMM** di seluruh Malaysia melalui hebahan berita di pelbagai **media cetakan dan elektronik**.
- SSB telah mendapat pengiktirafan melalui **pertandingan inovasi** yang disertai.



27. PEMBUKTIAN:

- **Surat pengesahan** daripada Ketua Kursus Pendidikan Islam dan Moral serta Ketua Jabatan Pengajian Am Politeknik Merlimau berkenaan produk inovasi yang **membantu dalam pelaksanaan PdP**.



- **Maklumbalas positif daripada pengguna SSB** yang telah mencuba papan permainan ini.

28. IMPAK JANGKA PANJANG PROJEK:

Faedah Kepada Komuniti:

- SSB bukan hanya sebuah papan permainan berkenaan Solat, tetapi juga melalui permainan ini, ia akan mendidik secara tidak langsung perkara berkaitan asas **hafalan ayat Al-Quran, amal Islami dan latihan pembacaan** kepada anak-anak.
- Melalui permainan ini, ikatan kekeluargaan secara tidak langsung akan dapat dipererat melalui aktiviti bersama dengan wujudnya **unsur kerjasama dan komunikasi**. Ini kerana **moderator permainan dianjurkan dilantik di kalangan ibu atau bapa atau orang dewasa**.

Faedah kepada Jabatan:


- **Imej jabatan meningkat** dengan **penghasilan inovasi sosial untuk komuniti** dan hebahan berterusan media elektronik dan media cetak
- Menyumbang kepada KPI Jabatan bagi **produk inovasi yang diaplikasi** seterusnya mencapai KPI produk inovasi yang berjaya dikomersilkan

Faedah kepada Organisasi (Kementerian Pengajian Tinggi):

- Menyumbang ke arah pelaksanaan agenda PAK21 di mana sesi PdP berpusatkan kepada murid melalui pencapaian piawaian kolaboratif dan komunikasi.
- Meningkatkan imej Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti keseluruhannya melalui inovasi aktif dan aktiviti pengkomersilan.
- Meningkatkan **kolaborasi aktif** melalui kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya **sekolah, masjid, surau, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti**.

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

29. Tindakan pengembangan projek yang telah dilaksanakan ialah dalam **proses permohonan hakcipta (trademark dan copyright)** untuk tujuan pengkomersialan .
30. Produk dam ular seperti SBB ini boleh dipelbagaikan bentuknya serta saiznya untuk menarik minat pelanggan sepertimana yang telah ada di pasaran.



31. Produk ini juga boleh dikembangkan dengan membuat versi digital dan dalam bentuk game apps dan boleh dijual secara atas talian seperti yang telah ada di internet



32. Bagi memastikan SSB dapat bertahan di pasaran, kelainan yang diberikan kepada pelanggan terhadap produk ini berbanding produk dam ular yang lain ialah ia berbentuk pendidikan dalam permainan. Bahkan permainan ini pula berkaitan dengan ibadah solat. Kelainan ini yang akan menjadi punca pelanggan akan memilih produk ini.

33. Produk ini juga telah mendapat sokongan daripada pelbagai institusi seperti sekolah rendah dan pusat pendidikan swasta yang memungkinnya untuk mendapat pasaran yang baik di kalangan para pendidik.



MAKLUMAT KUMPULAN



1. Kumpulan ini dinamakan sebagai SJO pada permulaannya, dan kini bernama kumpulan Ahlam. Kumpulan ini adalah Jawatankuasa KIK bagi Jabatan Pengajian Am Politeknik Merlimau.
3. Produk SSB ini adalah produk pertama yang dihasilkan oleh kumpulan ini. Produk ini telah memasuki beberapa pertandingan seperti yang telah dinyatakan di atas.

AMALAN

TERBAIK INOVASI

JABATAN MATEMATIK,
SAINS & KOMPUTER



KIK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF



2024

CalcraftInnovator Adventure
with Kashah

PRAKATA

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin serta limpahNya, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Merlimau dapat meyiapkan projek KIK bagi tahun 2024. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang baik sehingga projek KIK ini berjaya disiapkan.


Projek KIK CalcraftInnovator Adventure with Kashah yang dihasilkan ini berupaya menjadi alat bantu di dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dalam pendidikan, memantapkan pengurusan organisasi dan mampu membangun modal insan yang berketerampilan dan berwibawa.

Pendidikan seiring teknologi terkini menjadi mampan kepada negara terbilang dan gemilang. Semoga projek ini mencapai matlamat yang ingin digapai.

Sekian, terima kasih.



MAKLUMAT KUMPULAN



ORGANISASI

**POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA**



NAMA KUMPULAN

SMART TUTOR



TAJUK

**CALCRAFTINNOVATOR
ADVENTURE WITH KASHAH**



TARIKH MULA PROJEK

11 JANUARI 2021

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) merupakan jabatan sokongan akademik yang menawarkan kursus Matematik, Sains dan Komputer di Politeknik Merlimau Melaka (PMM). Jabatan ini ditubuhkan pada bulan November 2002 dan sehingga kini terdapat 22 orang tenaga pensyarah, seorang pembantu makmal dan seorang pembantu am pejabat. Fungsi utama jabatan ini adalah untuk membekalkan tenaga pensyarah akademik bagi proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta menjalankan tugas sokongan akademik di PMM.

Budaya inovasi menjadi elemen penting ke arah mencapai status organisasi bertaraf dunia. Budaya inilah yang cuba diterapkan ke dalam setiap pegawai di JMSK Politeknik Merlimau. Penciptaan CalcCraftInnovator Adventure with Kashah ini merupakan satu produk yang dibangunkan oleh jabatan ini bagi membantu proses PdP di kalangan pelajar dan pengajar. Projek ini dibangunkan pada 11 Januari 2021 kerana keperluan melahirkan pelajar yang mahir di dalam penggunaan kalkulator.

Ciptaan inovasi CalcCraftInnovator Adventure with Kashah ini menggunakan kaedah Design Thinking dan percambahan idea membangunkan teknik SMART. Antara kawalan kualiti yang digunakan dalam pembangunan produk ini adalah teknik E.R.R.C, 5W1H dan SCAMPER.

Keberhasilan projek inovasi ini berpotensi memberikan impak positif kepada semua pelajar dalam kursus Matematik dan meningkatkan produktiviti organisasi. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG 4), inovasi CalcCraftInnovator Adventure with Kashah ini patut dipertimbangkan untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ia dapat mengoptimumkan mutu pendidikan berkualiti dan melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang Matematik, seiring dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).



ISI KANDUNGAN

PRAKATA	v
MAKLUMAT KUMPULAN	ii
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
ISI KANDUNGAN	iv
RINGKASAN PROJEK	v

1.0 PENGENALAN	
Penglibatan Pihak Pengurusan	1
Latar Belakang Kumpulan	1
2.0 EMPHATIZE	
Skop Projek	2
Kaitan Dengan Fungsi Jabatan	2
Memenuhi Kehendak Pelanggan	2
Sejajar Agenda & Matlamat Nasional	3
Kaitan Dengan Ekosistem Semasa	3
Penyataan Masalah	4
Mengenalpasti Punca Masalah	4
3.0 DEFINE	
Penetapan Sasaran Projek	5
Cadangan Penyelesaian	5
4.0 IDEATE	
Tindakan Penyelesaian	6 - 7
5.0 PROTOTAIP	
Pembangunan Prototaip	8
6.0 PENGUJIAN	
Vadilasi Produk	9
Pengujian Produk	9
Kemasan Akhir	9
7.0 KEBERHASILAN PROJEK	
Kesan Jangka Pendek	10
Kesan Jangka Panjang	11
Impak	12
8.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK	
Tahap Ketersediaan Produk	13
Pengkormesilan	13

LAMPIRAN

RINGKASAN PROJEK

CalcCraftInnovator Adventure with Kashah merupakan inovasi dari pegawai di JMSK, Politeknik Merlimau. Penciptaan produk inovasi ini dibina berdasarkan pengembaraan terhadap penggunaan kalkulator dengan dibantu oleh Kashah. Pengembaraan kalkulator bersama Kashah ini dihasilkan untuk menarik minat pengguna tidak mengira lapisan umur terhadap penggunaan kalkulator.

Inovasi ini mengandungi halaman merangkumi tajuk dalam matematik seperti Pengenalan kepada Kalkulator, Pengiraan Asas dalam tajuk Matematik, Persamaan dalam Matematik, Trigonometri dan Kalkulus yang menggunakan medium kalkulator sebagai alat pengiraan. Ia turut dilengkapi dengan dua versi penggunaan kalkulator yang lama dan terkini. Edisi penggunaan kalkulator terkini disertakan dengan video penggunaan kalkulator yang juga boleh ditonton dalam saluran Youtube.


Produk inovasi ini juga turut menyediakan contoh dan tutorial bagi meningkatkan kefahaman pengguna apabila menggunakan kalkulator. Langkah demi langkah disediakan bagi pengguna dalam menyelesaikan masalah berkaitan Matematik.

Diharapkan CalcCraftInnovator Adventure with Kashah ini dapat memberi manfaat dan kebaikan untuk semua demi menggapai hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan cemerlang di persada dunia.

1.0 PENGENALAN


PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

Pada 09 Februari 2021, Kumpulan KIK JMSK telah dilantik untuk menjalankan satu kajian inovasi bagi memenuhi matlamat keberhasilan projek KIK. Kumpulan KIK JMSK telah mendapat kelulusan jabatan bagi mencipta inovasi yang dinamakan CalcCraftInnovator Adventure with Kashah. Surat kelulusan untuk melaksanakan projek adalah seperti LAMPIRAN 1.



Rajah 1: Infografik Penubuhan Kumpulan *Smart Tutor*

LATAR BELAKANG KUMPULAN




Rajah 2: Carta Organisasi Smart Tutor

2.0 EMPHATIZE

SKOP PROJEK

Smart Tutor memulakan projek dengan merujuk isu PdP semasa di Malaysia bagi subjek Matematik. Data diperolehi melalui temubual berstruktur dan pemerhatian terhadap pelajar di Institusi Pendidikan bagi penggunaan kalkulator yang baru mahupun yang lama bagi menyelesaikan permasalahan Matematik.

KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN



Rajah 3: Misi dan Visi Politeknik Merlimau

MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

Projek ini dipilih berdasarkan objektif Sistem Penasihat Akademik (SPAk) iaitu merancang pengajian dan aktiviti ke arah meningkatkan pencapaian akademik dan potensi individu



Rajah 4: Sistem Penasihat Akademik (SPAk)

SEJAJAR AGENDA & MATLAMAT NASIONAL

Sejajar Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG 4) berkisar mengenai pendidikan berkualiti dan merupakan antara 17 Matlamat Pembangunan Mampan yang ditubuhkan September 2015. SDG 4 adalah bagi memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama, dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua. Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) yang dilancarkan pada 16 April 2011 juga merupakan Dasar yang telah dibangunkan khusus bagi menyokong Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). E-Pembelajaran berkualiti bertujuan membangunkan modal insan bertaraf dunia melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Ekosistem inovasi membolehkan akademia, industri, Kerajaan dan komuniti, pengumpulan sumber dan rakan kerjasama untuk menyemai, membangunkan dan mengkomersilkan idea. Mencapai piawaian asas Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) iaitu kolaboratif dan komunikasi bagi menyokong pembelajaran berpusatkan kepada murid.



Rajah 5: Asas PAK21



Rajah 6: Logo SDG 4

KAITAN DENGAN EKOSISTEM SEMASA

Berdasarkan kepada ekosistem semasa sistem pendidikan pada masa kini, segelintir tenaga pengajar sukar melaksanakan PdP dengan penglibatan 100% pelajar di dalam kelas (berpusatkan pelajar) kerana masih bergantung kepada kaedah pedagogi (berpusatkan guru). Kajian yang dijalankan oleh Atiqah Sani et.al pada 2023, menyatakan keperluan bagi pengajar untuk mentransformasikan pendidikan ke arah digital. Laporan daripada Berita Harian bertarikh 2 Februari 2017 menyatakan bagi melahirkan generasi holistik, guru perlu sentiasa mengambil inisiatif berbeza dan kreatif dalam aspek PdP di dalam bilik darjah. Jika pendekatan tidak diubah, ia akan mengakibatkan sesi PdP sehalu tanpa penglibatan aktif pelajar. Oleh itu, idea penghasilan CalcCraftInnovator Adventure with Kashah ini dihasilkan bagi memenuhi keperluan dan kehendak sistem pendidikan alaf baharu yang semakin berkembang pesat.

PENYATAAN MASALAH

Hasil daripada Temubual Berstruktur dan pemerhatian bersama Pensyarah JMSK di Politeknik Merlimau beberapa permasalahan di dalam PdP dinyatakan. Hasil daripada itu, Kumpulan Smart Tutor, telah berjaya mengenalpasti beberapa permasalahan dari Pensyarah JMSK di Politeknik Merlimau. Sebanyak 10 masalah yang dikemukakan seperti di LAMPIRAN 2.

MENGENAL PASTI PUNCA MASALAH

Masalah

Pelajar tidak mahir menggunakan kalkulator semasa menyelesaikan masalah matematik

Punca

Manual penggunaan kalkulator yang tidak menarik

Pemilihan Projek

Membangunkan manual penggunaan kalkulator yang lebih berinteraktif

Sasaran Outcome & Impak


Setelah punca masalah dikenalpasti dan kaedah penyelesaian ditetapkan, beberapa pernyataan outcome dan impak diperolehi. Antaranya adalah seperti berikut:



3.0 DEFINE


PENETAPAN SASARAN PROJEK

Kumpulan KIK JMSK telah mengatur strategi bagi mengatasi masalah yang diterangkan di atas dengan menggunakan kaedah Analisa Kerangka 4 Langkah E.R.R.C. Grid dalam NBOS. Rajah 2 di bawah menggambarkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu penggunaan manual kalkulator dalam penyelesaian masalah Matematik.



Rajah 7: Kerangka 4 Langkah E.R.R.C Grid Dalam NBOS

CADANGAN PENYELESAIAN



Rajah 8: Infografik Kaedah *Design Thinking*

4.0 IDEATE


TINDAKAN PENYELESAIAN

Secara praktikalnya kaedah **5W+1H** adalah yang paling sesuai digunakan untuk menjelaskan cadangan penyelesaian. Rajah di bawah menunjukkan cadangan penyelesaian yang telah dipersetujui.



Rajah 9: Infografik Kaedah 5W + 1H

TINDAKAN PENYELESAIAN



Rajah 10: Infografik Kaedah SCAMPER

Kesimpulan yang dapat diperolehi daripada kaedah yang digunakan, serta digabungkan dengan idea dari ahli-ahli kumpulan maka satu jalan penyelesaian telah diperolehi iaitu membangunkan satu produk yang berinteraktif dan menarik yang boleh digunakan oleh pelajar dalam menyelesaikan permasalahan Matematik.

5.0 PROTOTAIP

PEMBANGUNAN PRODUK

Pembangunan CalcCraftInnator Adventure With Kashah telah melalui fasa secara berperingkat dengan proses merekabentuk. Prototaip pertama dimulakan sepanjang Januari 2021 hingga Disember 2021 seterusnya prototaip kedua bermula Januari 2023 hingga Disember 2023.



Gambar 1: Lakaran Prototaip 1



Gambar 2: Lakaran Prototaip 2

Kumpulan Smart Tutor telah memperjelaskan Tatacara dan Jadual Pelaksanaan untuk merekacipta Prototaip 1 dan 2 yang menggunakan konsep mudah alih. Tatacara dan jadual merangkumi:-

- Klasifikasi Umum Prototaip.
- Lakaran Prototaip.
- Membuat dan Merekabentuk Prototaip.
- Menguji Keberkesanan.
- Pengumpulan data.

Bil	Perkara	Tempoh		
1.	Klasifikasi Umum Prototaip 1		03 Jan 2021 - 17 Jan 2021	
2.	Lakaran Prototaip 1		18 Jan 2021 - 30 Jan 2021	
3.	Membuat dan Merekabentuk Prototaip 1	01 Feb 2021		14 Feb 2021
4.	Menguji Keberkesanan	15 Feb 2021 - 22 Apr 2021		
5.	Mengumpul Data	23 Apr 2021 - 30 Apr 2021		

Jadual 1: Jadual Pelaksanaan CalcCraftInnator Adventure With Kashah

6.0 PENGUJIAN

VALIDASI PRODUK

Prototaip CalcCraftInnovator Adventure With Kashah telah menjalani 2 proses validasi bersama pensyarah di JMSK Politeknik Merlimau dan guru Matematik di Sekolah Menengah untuk membuat pengesahan terhadap antaramuka dan kebolehfungsi produk.

BIL	PERKARA	MASALAH	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
1.	Paparan	Penambahan video penggunaan	Menciptakan prototaip yang dapat menyelesaikan masalah baru semasa prototaip 1
2.	Elemen	Penambahan penggunaan kalkulator Classwiz	
3.	Interaktif	Penggunaan Avatar yang kurang menarik	
4.	Memerlukan kemahiran	Tiada (Dapat diatasi)	Tiada


Jadual 2: Jadual Permasalahan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah

PENGUJIAN PRODUK



Gambar 3: Pengujian Produk Bersama Pensyarah JMSK PMM


KEMASAN AKHIR



Rajah 11: Kemasan Akhir CalcCraftInnovator Adventure With Kashah


7.0 KEBERHASILAN PROJEK

KESAN JANGKA PENDEK



CalcCraftInnovator Adventure With Kashah telah berjaya menarik minat pelajar di dalam subjek Matematik. Ini terbukti semasa perkongsiaan penggunaan bersama pelajar di Politeknik Merlimau dan juga Sekolah sekitar Melaka (LAMPIRAN 3).

CalcCraftInnovator Adventure With Kashah telah berjaya meningkatkan pemahaman pelajar di dalam penggunaan kalkulator dengan betul semasa menyelesaikan permasalahan Matematik (LAMPIRAN 4).




CalcCraftInnovator Adventure With Kashah telah berjaya meningkatkan prestasi pelajar di dalam subjek Matematik. Ini dapat dilihat dengan ujian yang dilakukan ke atas pelajar sebelum dan selepas bengkel penggunaan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah dijalankan (LAMPIRAN 5).

Punca	Sebelum	Selepas
Kemahiran menggunakan kalkulator	Pelajar sering tersalah menekan kalkulator dalam menyelesaikan soalan Matematik	Berjaya meningkatkan kemahiran menggunakan kalkulator

Jadual 3: Keberhasilan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah

KEBERKESANAN BAHAN LATIHAN



1. Nama	1. Nama
2. No. Pendaftaran	2. No. Pendaftaran
3. Tarikh	3. Tarikh
4. Lokasi	4. Lokasi
5. Waktu	5. Waktu
6. Bilangan Peserta	6. Bilangan Peserta
7. Bilangan Pemandu	7. Bilangan Pemandu
8. Bilangan Pemandu	8. Bilangan Pemandu
9. Bilangan Pemandu	9. Bilangan Pemandu
10. Bilangan Pemandu	10. Bilangan Pemandu
11. Bilangan Pemandu	11. Bilangan Pemandu
12. Bilangan Pemandu	12. Bilangan Pemandu
13. Bilangan Pemandu	13. Bilangan Pemandu
14. Bilangan Pemandu	14. Bilangan Pemandu
15. Bilangan Pemandu	15. Bilangan Pemandu
16. Bilangan Pemandu	16. Bilangan Pemandu
17. Bilangan Pemandu	17. Bilangan Pemandu
18. Bilangan Pemandu	18. Bilangan Pemandu
19. Bilangan Pemandu	19. Bilangan Pemandu
20. Bilangan Pemandu	20. Bilangan Pemandu

Rajah 12: Maklumbalas Keberhasilan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah

7.0 KEBERHASILAN PROJEK

KESAN JANGKA PANJANG

CalcCraftInnovator Adventure With Kashah di lihat mampu memberikan kesan jangka masa yang panjang di dalam Dasar e-Pembelajaran Negara, Pembelajaran abad ke 21 serta bagi mencapai matlamat SDG4. Ini dapat direalisasikan berdasarkan peningkatan kemahiran penggunaan kalkulator secara optimum di dalam kalangan pelajar di Institusi Pendidikan bagi menyelesaikan permasalahan Matematik. Peningkatan kemahiran ini akan menyumbang kepada meningkatnya prestasi pelajar di dalam subjek Matematik seterusnya dapat melahirkan pelajar yang berliterasi STEM ke arah negara yang maju.



Rajah 13: Keberhasilan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah Bagi Jangka Masa Panjang

7.0 KEBERHASILAN PROJEK

IMPAK



Rajah 14: Impak CalcCraftInnovator Adventure

8.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

TAHAP KETERSEDIAAN DAN PENGEMBANGAN PROJEK

a. Telah mencapai rekabentuk sepenuhnya

Projek CalcCraftInnovator Adventure With Kashah telah mencapai rekabentuk sepenuhnya 100% dan telah digunakan secara meluas (LAMPIRAN 6).

b. Perkongsian bersama Sekolah di Melaka

Projek ini telah dikongsi penggunaannya di beberapa Sekolah di sekitar negeri Melaka (LAMPIRAN 7).



c. Menyertai Pertandingan

Projek ini telah menyertai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa dan mendapat pingat perak (LAMPIRAN 8).



PENGKORMESIALAN

1 TELAH MENJALANKAN KURSUS BERBAYAR KEPADA PELAJAR DI SELURUH MALAYSIA

Bengkel Kalkulator telah dijalankan menggunakan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah sepanjang bengkel dijalankan. Bengkel ini telah dijalankan secara online dan disertai oleh pelajar di seluruh Malaysia (LAMPIRAN 9).

2 KOLABORASI BERSAMA CASIO MALAYSIA

Satu kolaborasi bersama syarikat Casio Malaysia sedang di rancang bagi meningkatkan lagi pengkormesialan CalcCraftInnovator Adventure With Kashah.

3 DALAM PERMOHONAN MENDAPATKAN MYIPO MELAKA & ISBN

CalcCraftInnovator Adventure With Kashah masih di dalam permohonan bagi mendapatkan ISBN dan MYIPO Melaka.

4 PENJUALAN DI PLATFORM ATAS TALIAN

CalcCraftInnovator Adventure With Kashah sedang dalam perancangan bagi penjualan di platform atas talian agar produk ini dapat diperluaskan penggunaannya dan memberikan manfaat kepada semua.



MEMO PEJABAT TIMBALAN PENGARAH

Daripada	Timbalan Pengarah (Akademik)
Kepada	Seperti edaran lampiran
Salinan	Pengarah Ketua Jabatan JKA/JKE/JKM/JP/JPH/JMSK/JPA Ketua Kluster Tadbir Urus
Tarikh	09 Mei 2024 No. Fail PMM.UPIK.100 -12/12 Jld 1(8)

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF POLITEKNIK MERLIMAU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan tuan/puan dilantik sebagai ahli **Kumpulan Inovatif Dan Kreatif PMM** berkuatkuasa mengikut tarikh memo ini dikeluarkan.


3. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan dengan idea dan kreativiti yang dihasilkan ianya dapat menjadikan kualiti perkhidmatan di jabatan dan unit menjadi semakin efisien dan cemerlang.

Kerjasama dan usaha tuan/puan di dalam perkara di atas amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BIJAK LASKANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,


(Sr. MOHAMAD KELANA BIN JUWIT)
Timbalan Pengarah (Akademik)
Politeknik Merlimau

wannorhafiza/memo/kikib

TAJUK PROJEK	CALCRAFTINNOVATOR ADVENTURE WITH KASHAH		
BIL.	JAWATAN	JABATAN	JABATAN
1	SITI FARIZAH BINTI YAAKUB (Ketua)	Pensyarah Kanan (DH48)	JMSK
2	NCOR HIDAYAH BINTI AWANG	Pensyarah (DH44)	JMSK
3	ZAREENA BINTI ROSLI	Pensyarah Kanan (DH48)	JMSK
4	SITI AISYAH BINTI AZAHAR	Pensyarah (DH44)	JMSK
5	FAIRUZZA BINTI HAIRI	Pensyarah (DH44)	JMSK
6	FARIDAH BINTI OTHMAN	Pensyarah (DH44)	JMSK
7	SITI NOOR SARAH BINTI DAUD	Pensyarah (DH44)	JMSK

TAJUK PROJEK	SOLAT SMART BOARD		
NAMA KUMP.	SJO		
BIL.	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1	MOHD HAKAL 'AKASHAH BIN MD NOR	Pensyarah (DH44)	JPA
2	MOHD LOKMAN BIN AHMAD	Pensyarah (DH44)	JPA
3	NORAFIDAH BINTI HAJI ABDULLAH	Pensyarah (DH44)	JPA
4	NUR FARHANA BINTI MISNO	Pensyarah (DH44)	JPA



Sr. MOHAMAD KELANA BIN JUWIT
Timbalan Pengarah (Akademik)
Politeknik Merlimau
Tarikh: 9.5.2024

No.	Specific Issue Observed	Description of Issue	Frequency of Issue
1	Basic Operations	Student struggles with basic arithmetic functions (addition, subtraction, multiplication, division)	Often
2	Advanced Functions	Difficulty in using advanced functions like statistical calculations	Occasionally
3	Graphing Capabilities	Inability to plot graphs or interpret graphing results on the calculator	Frequently
4	Error Handling	Student unable to troubleshoot common errors (syntax errors, incorrect inputs)	Often
5	Programming Functions	Lack of understanding of programmable functions on the calculator	Rarely
6	Memory Functions	Forgetting steps to store and recall data in memory	Occasionally
7	Function Combinations	Confusion in combining multiple functions for complex calculations	Frequently
8	User Interface Navigation	Struggles with navigating the calculator's interface	Often
9	Conceptual Understanding	Lack of understanding of the underlying mathematical concepts	Frequently
10	Speed and Accuracy	Slow calculation speed and frequent mistakes	Often

Impact on Learning	Lecturer's Comments
High	Requires additional practice on basic operations
Medium	Needs targeted instruction on statistical functions
High	Suggest supplementary materials or workshops on graphing
High	Provide a guide on common errors and solutions
Low	Encourage participation in advanced calculator workshops
Medium	Incorporate memory function practice into lessons
High	Develop exercises to practice combining functions
High	Provide a user guide or interactive tutorial on navigation
High	Reinforce the link between calculator use and mathematical concepts
High	Recommend timed practice sessions to improve speed and accuracy



KEBERKESANAN BAHAN LATIHAN



Email	Nyatakan ulasan/komen anda
mirasham1456@gmail.com	Program yang dianjurkan dapat memberi impak positif kepada peserta
14dtk23f1078@student.pmm.edu.my	penyampaian yang mudah difahami
vengatkarthi020@gmail.com	Program ini akan membantu saya dalam peperiksaan
vighneswarao27@gmail.com	Baik
zatyjat32@gmail.com	best !
afiqkamirul@gmail.com	pensyarah menerangkan secara terperinci
danishazam063@gmail.com	penyampaian Yang efektif Dan sangatt terang
tashaalia19@gmail.com	Kursus ini memberi saya pencerahan yang jelas untuk menyelesaikan masalah matematik
alisasafiyah52@gmail.com	Baikk
aqmar125reeza@gmail.com	Penjelasan yang mudah dan senang faham
shahiranazira02@gmail.com	Mendapatkan maklumat dan ilmu yang bermanfaat dan baharu.
abipopikel@gmail.com	Kursus yang mantap
aimantineo@gmail.com	Mudah dan cepat memahami
damiaabak@gmail.com	sangat membantu. terima kasih :)
shimido.812@gmail.com	Dapat tahu cara baru untuk menggunakan calculator
jannahismail239@gmail.com	Sangat membantu
virosshanshan@gmail.com	Program ini dapat menambahkan ilmu tentang penggunaan kalkulator
bengenechan1010@gmail.com	Good
muhdhaniff0206@gmail.com	sangat digalakkan untuk pelajar yang belum pernah sertai supaya dapat meningkatkan lebih lagi cara ataupun teknik penggunaan kalkulator
lavendranreddy1@gmail.com	Dapat banyak pengetahuan
mfahrinnn20@gmail.com	Mudah difahami
peanutxvi@gmail.com	PERLUKAN BENGKEL KALKULATOR UNTUK SEM 3 «ڤڤڤ»
nurulanniesya@gmail.com	dapat tahu cara pakai calculator dan tambah ilmu baru
14dtk23f1025@student.pmm.edu.my	Dapat mengetahui lebih lanjut tentang kalkulator dan senang untuk mengira
naleeeyasofia06@gmail.com	Saya mudah faham untuk kegunaan calculator
nurul440684@gmail.com	dapat membantu pelajar
danishms981@gmail.com	Perancangan yang dapat membuatkan pelajar lebih yakin dalam menggunakan kalkulator serta pensyarah yang bersikap tenang dalam mengajarkan ilmu walaupun tidak bersemuka
putriazriasofea05@gmail.com	faham dan jelas
nrlasyah05@gmail.com	mudah faham
zaimdaze74@gmail.com	Saya akan cuba yang terbaik untuk peperiksaan ini
Derwishaniq81@gmail.com	Baik
aliff180105@gmail.com	Terbaik
batrisyiacak@gmail.com	Para pengajar menjelaskan soalan yang ditanya oleh pelajar dengan jelas. Memang terbaik!!

QUIZIZZ

Quiz Name
PRE TEST (Basic
Calculator)

Date
Sat Apr 01 2023 9:15 AM

Hosted by
Faridah Othman

Average Accuracy

37%

Questions per Attempt

5

Number of Players

54



QUIZIZZ

Quiz Name
POST TEST (Basic
Calculator)

Date
Sat Apr 01 2023 11:49 AM

Hosted by
Faridah Othman

Average Accuracy

66%

Questions per Attempt

5

Number of Players

59









kalkulator CASIO
570MS/570EX/991EX



YURAN
RM10



Kursus

KALKULATOR SAINTIFIK

SIRI 1 (2024)

Khas untuk pelajar
Semester 2 Kejuruteraan

- INDICES & LOG
- DEFINITE INTEGRAL
- PARTIAL FRACTION

DIBUKA SEKARANG

Tarikh Tutup:
20/5/2024



MAKLUMAT LANJUT

012-7743369
 012-2793522

ANJURAN: PSH JMSK



SABTU: 25/05/2024
WAKTU: 9 AM- 1 PM
TEMPAT: DEWAN TITANIUM

AMALAN

TERBAIK INOVASI

JABATAN PERDAGANGAN



MYPCC; ALAT PENGURUSAN KEJAT DI PMM



LAPORAN KIKHB 2024

ABDUL RASHID BIN HUSAIN
ZURAINI BINTI ZAINAL ABIDIN
SUHAILA BINTI MAT NOR
SYAHIDAH BINTI SALLEH
JULIAWATI BINTI JAMA'ON



PRAKATA

Inovasi diertikan sebagai pengasilan idea-idea baru untuk meningkatkan keberkesanan dan keberhasilan sesuatu pengurusan menjadi lebih baik dan berkualiti. Hasil usaha kreatif dan inovatif dijelmakan dalam pelbagai bentuk dan aspek berpandukan kepada perancangan asal bagi menjadikan ianya lebih mudah dan ringkas.

Inovasi MyPCC ini merupakan satu idea inovasi yang dibangunkan oleh kumpulan untuk menambahkan mutu perkhidmatan PCC (PMM Courier Centre) yang beroperasi sejak 2020 di Politeknik Merlimau. MyPCC ini menjadi satu alat pengurusan kejut di Politeknik Merlimau yang mampu mengoptimumkan sumber dan mengelakkan pembaziran dan menjadikan PMM mencapai kelestaraan dalam tadbir urus.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang telah membantu terutama pengurusan PMM dan semua secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan inovasi MyPCC ini.

Sekian Terima Kasih



PMM Warriors Team

LAMPIRAN A: MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK		
NAMA ORGANISASI	POLITEKNIK MERLIMAU	
ALAMAT ORGANISASI	POLITEKNIK MERLIMAU, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI, 77300 MERLIMAU, MELAKA	
NAMA KUMPULAN	MYPCC PMM WARRIORS	
TAJUK	MyPCC: ALAT PENGURUSAN KEJAT (LEAN MANAGEMENT) DI POLITEKNIK MERLIMAU	
TARIKH MULA PROJEK	2 MEI 2023	
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK	SETAHUN	
PILIHAN KIK	(Sila tandakan (✓) kotak yang berkaitan)	
	Primer	Hibrid
	✓	
BIDANG INOVASI	(Sila tandakan (✓) kotak yang berkaitan)	
	Sosial	Penyampaian Perkhidmatan
		✓
KATEGORI INOVASI	(Sila tandakan (✓) kotak yang berkaitan)	
	Penciptaan	Penambahbaikan
		✓
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB		
FASILITATOR KUMPULAN (JIKA ADA)		
NAMA	-	
GRED DAN JAWATAN	-	
NO TELEFON PEJABAT / FAKS	-	
NO TELEFON BIMBIT	-	
E – MEL RASMI	-	

KETUA KUMPULAN	
NAMA	ABDUL RASHID BIN HUSAIN
GRED DAN JAWATAN	PPPTDH48
INSTITUSI	POLITEKNIK MERLIMAU
NO TELEFON PEJABAT / FAKS	06-263 6687
NO TELEFON BIMBIT	012-6398456
E-MEL RASMI	Abdrashid@pmm.edu.my
SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN & INSTITUSI	1) ZURAINI BINTI ZAINAL ABIDIN
	2) SUHAILA BINTI MAT NOR
	3) JULIAWATI BINTI JAMA'ON
	4) SYAHIDAH BINTI SALLEH
GAMBAR KUMPULAN	
	

PENGESAHAN KETUA JABATAN	
Dengan ini adalah disahkan bahawa Kumpulan MyPCC PMM Warriors akan menyertai KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF HORIZON BAHARU (KIK HB) PERINGKAT KEBANGSAAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI.	
	
(Tandatangan dan Cap Pengerah)	Nama:
Jawatan:	Faridatul Jama Binti Mohd. Noor TUMBUHAN PENGARAH / AKADEMIK POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA
Tarikh:	30/7/2024

RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	MyPCC: Alat Pengurusan Kejat di Politeknik Merlimau
Bidang dan Kategori	Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)
RINGKASAN EKSEKUTIF	
Politeknik Merlimau (PMM) telah menyediakan satu pusat pengurusan parcel yang dinamakan sebagai Inkubator PMM Courier Centre (PCC) di bawah kelolaan Unit Keusahawanan, PMM. Penubuhan PCC ini bertujuan untuk menyelesaikan isu pengurusan parcel yang sebelum ini kurang teratur di ruang legar bangunan pentadbiran PMM. PCC turut berperanan dalam menyediakan servis penerimaan dan penyimpanan pelbagai jenis surat dan parcel warga PMM. Namun, proses perekodan data secara manual oleh perantis adalah tidak sistematik, memerlukan masa penyimpanan yang lama dan turut berhadapan dengan masalah berlakunya kesilapan semasa merekod data. Bertepatan dengan konsep pengurusan kejat yang merupakan satu pendekatan yang lebih sistematik bertujuan meminimumkan pembaziran serta mampu menambah nilai kepada proses kerja sedia ada, satu aplikasi yang dikenali sebagai MyPCC telah dibangunkan bertujuan membantu perantis PCC melaksanakan proses pengurusan parcel dengan lebih cekap dan efisien. Aplikasi MyPCC ini dibangunkan dengan menggunakan aplikasi <i>Google Appsheet, Google Drives, Google Form, Google Sheet dan Lookerstudio</i>. Satu Set soal selidik melalui <i>Google Form</i> telah diedarkan kepada 104 orang responden yang terdiri daripada 36 staf dan 68 pelajar untuk mendapatkan maklum balas tentang penggunaan aplikasi MyPCC. Hasil dapatan menunjukkan respon yang positif dalam kalangan responden dan tahap kepuasan responden terhadap MyPCC berada pada tahap yang tinggi. MyPCC ini juga membuktikan penjimatan dari aspek penggunaan sumber seperti kertas, penjimatan masa, dan penjimatan kos, peningkatan pendapatan inkubator dan seterusnya dapat melatih para perantis dalam bidang keusahawanan selari dengan pengurusan kejat di Politeknik Merlimau. Selain itu, satu platform dan sistem pengurusan parcel yang lebih mudah dan berkesan dapat dihasilkan bagi memudahkan perantis dan pelanggan berurusan di Inkubator PCC.	

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN PROJEK 01

LATAR BELAKANG PROJEK 02

Penglibatan pihak pengurusan	02
Latar belakang kumpulan	02
Logo kumpulan	02
Info kumpulan	02

SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK 03

Skop projek	03
Kaitan dengan fungsi Jabatan	03
Memenuhi kehendak pelanggan	03
Kaitan dengan ekosistem semasa	04
Penyataan masalah dan mengenalpasti punca masalah	04
Penetapan sasaran projek	05
Cadangan Penyelesaian	06

TINDAKAN PENYELESAIAN 07

Strategi penyelesaian	07
Pembangunan prototaip	08
Validasi produk	09
Pengujian produk	09

KEBERHASILAN PROJEK 10

Manual ke automasi (Penjimatan sumber)	10
Pelaporan sistematik	10
Mengurangkan % kesilapan rekod	11
Meningkatkan kecekapan (penjimatan masa dan kos)	11
Mengurangkan parcel yang tidka dituntut	12
Impak jangka pendek (Penyelesaian)	12
Impak jangka panjang	13

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK 14

Tahap ketersediaan produk	14
Replika produk - dalam negara	14
Replika produk - luar negara	15
Pengiktirafan - Lain -lain	15-16

LAMPIRAN 17



RINGKASAN PROJEK

Politeknik Merlimau (PMM) telah menyediakan satu pusat pengurusan parcel yang dinamakan sebagai Inkubator PMM Courier Centre (PCC) di bawah kelolaan Unit Keusahawanan, PMM. Penubuhan PCC ini bertujuan untuk menyelesaikan isu pengurusan parcel yang sebelum ini kurang teratur di ruang legar bangunan pentadbiran PMM. PCC turut berperanan dalam menyediakan servis penerimaan dan penyimpanan pelbagai jenis surat dan parcel warga PMM.

Namun, proses perekodan data secara manual oleh perantis adalah tidak sistematik, memerlukan masa penyimpanan yang lama dan turut berhadapan dengan masalah berlakunya kesilapan semasa merekod data. Bertepatan dengan konsep pengurusan kejut yang merupakan satu pendekatan yang lebih sistematik bertujuan meminimumkan pembaziran serta mampu menambah nilai kepada proses kerja sedia ada, satu aplikasi yang dikenali sebagai MyPCC telah dibangunkan bertujuan membantu perantis PCC melaksanakan proses pengurusan parcel dengan lebih cekap dan efisien. Aplikasi MyPCC ini dibangunkan dengan menggunakan aplikasi Google Appsheet, Google Drives, Google Form, Google Sheet dan Lookerstudio.

Satu Set soal selidik melalui Google Form telah diedarkan kepada 104 orang responden yang terdiri daripada 36 staf dan 68 pelajar untuk mendapatkan maklum balas tentang penggunaan aplikasi MyPCC. Hasil dapatan menunjukkan respon yang positif dalam kalangan responden dan tahap kepuasan responden terhadap MyPCC berada pada tahap yang tinggi. MyPCC ini juga membuktikan penjimatan dari aspek penggunaan sumber seperti kertas, penjimatan masa, dan penjimatan kos, peningkatan pendapatan inkubator dan seterusnya dapat melatih para perantis dalam bidang keusahawanan selari dengan pengurusan kejut di Politeknik Merlimau. Selain itu, satu platform dan sistem pengurusan parcel yang lebih mudah dan berkesan dapat dihasilkan bagi memudahkan perantis dan pelanggan berurusan di Inkubator PCC.



LATAR BELAKANG PROJEK

Penglibatan Pihak Pengurusan

Pada Mei 2023, Kumpulan MyPCC PMM Warriors telah dilantik untuk menjalankan satu kajian inovasi bagi memenuhi matlamat keberhasilan projek KIK. Berikut adalah sokongan penglibatan pihak pengurusan:

- 1 Kelulusan Jabatan (Lampiran 1)
- 2 Tajaan KIKHB Kebangsaan 2024 & Pertandingan Inovasi Pensyarah (Lampiran 2)
- 3 Pengiktirafan Pengurusan Kejut (*Lean Management*) (Lampiran 3)

Latar Belakang Kumpulan



Suhaila
Setiausaha KIKHB
Pengumpulan Data



Zuraini
Timb Ketua KIKHB
Maklumbalas
Pelanggan



Abdul Rashid
Ketua KIKHB
Editor



Juliawati
Ahli KIKHB
Mentor PCC



Syahidah
Ahli KIKHB
Mentor PCC

Logo Kumpulan

BENTUK SAYAP

PARCEL YANG DITERIMA
PELANGGAN PANTAS DAN CEPAT

HURUF MY

MERUJUK KEPADA INOVASI
PENAMBAHBAIKAN TERHADAP PCC
DARIPADA SISTEM PEREKODAN
MANUAL KEPADA SISTEM



BENTUK KOTAK PARCEL
PERKHIDMATAN DI PCC
BERKAITAN PENGURUSAN
PARCEL

HURUF PCC

MERUJUK INKUBATOR
KEUSAHAWANA PENGURUSAN
PARCEL DI POLTEKNIK
MERLIMAU

Info Kumpulan

JENIS KUMPULAN:
PRIMER

BIDANG INOVASI:
PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN

KATEGORI INOVASI:
PENAMBAHBAIKAN

ALAMAT:
POLITEKNIK MERLIMAU,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,
77300 MERLIMAU,
MELAKA

SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

Skop Projek

Pengurusan kejut merupakan suatu pendekatan untuk **mengurus organisasi** yang menyokong konsep **penambahbaikan secara berterusan**, pendekatan jangka panjang untuk bekerja secara sistematik bertujuan untuk mencapai perubahan kecil dan bertambah dalam proses untuk **meningkatkan kecekapan dan kualiti**. Seiring dengan dunia yang dilingkari kemajuan sains dan teknologi ini, kita dapat melihat pembelian secara atas talian semakin bercambah dari masa ke semasa, sekaligus menyebabkan jumlah parcel yang perlu dihantar turut meningkat dengan mendadak setiap hari. Kebiasaannya, parcel akan diterima terlebih dahulu oleh mana-mana pusat kurier untuk penyimpanan sementara. Namun, disebabkan kurangnya pemantauan atau **pengurusan parcel yang tidak cekap** boleh menyebabkan parcel tersebut hilang atau tidak dapat dikesan. Oleh yang demikian, Politeknik Merlimau telah menyediakan satu pusat pengurusan parcel yang berkonsepkan **inkubator keusahawanan** untuk melatih dan mendidik ilmu keusahawanan dalam diri pelajar. Inkubator tersebut dikenali sebagai **Inkubator PMM Courier Centre (PCC)**. Sistem **MyPCC** merupakan **sistem yang dibangunkan** selari dengan pendekatan pengurusan kejut yang bertujuan untuk memudahkan proses perekodan data agar lebih tersusun dan sistematik, di samping dapat **meminimumkan pembaziran** serta mampu **menambah nilai** kepada **proses kerja sedia ada**.

Kaitan Dengan Fungsi Jabatan

Misi jabatan (JPPKK) iaitu **KPI 6: Bilangan program ke arah kelestarian tadbir urus jabatan/institusi**. Setiap politeknik konvensional perlu menghasilkan **3 projek** pengurusan lean di peringkat institusi.



Kaitan Dengan Agenda Nasional

Projek ini serampang dua mata mencapai **dua pelan lonjakan** kementerian pendidikan tinggi iaitu pelan no 6 pemantapan **tadbir urus** (melalui aktiviti **pengurusan kejut**) dan pelan no 7 (ekosistem inovasi dalam kalangan **akademia**)



Memenuhi Kehendak Pelanggan

Projek ini dipilih berdasarkan **masalah pengurusan parcel** yang tidak efisien sebelum ini dan **MyPCC** diperkenalkan untuk memastikan sistem pengurusan parcel diuruskan dengan cekap dan **penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran** dapat dilaksanakan secara **efisien**.



Pengurusan kejut amatlah dititik beratkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk **mengoptimumkan sumber** dan **mengelakkan pembaziran**. Pengurusan parcel secara manual menyukarkan perekodan data dan melambatkan proses notifikasi yang diterima oleh pelanggan. Oleh yang demikian, **sistem MyPCC** dibangunkan untuk memudahkan proses perekodan data agar lebih tersusun dan sistematik, di samping **dapat meminimumkan pembaziran** serta mampu **menambah nilai kepada proses kerja sedia ada** disamping **menambah baik proses kerja** sedia ada seterusnya dapat **mencapai KPI no 6 bagi kelestarian tadbir urus sesebuah institusi**.


Penyataan Masalah

Penubuhan Inkubator PCC adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu pengurusan parcel yang sebelum ini kurang teratur di ruang legar bangunan pentadbiran PMM. PCC turut berperanan dalam menyediakan servis penerimaan dan penyimpanan pelbagai jenis surat dan parcel warga PMM. Berdasarkan kepada **hasil temubual** bersama **perantis** dan **pengguna** di Inkubator PCC, terdapat pelbagai isu dan masalah yang diperoleh seperti berikut: **(Lampiran 4)**

- 1 Kaedah perekodan data secara manual yang kurang sistematik.
- 2 Tiada pelaporan sistematik yang dilaporkan setiap bulan.
- 3 Kesilapan semasa merekodkan data.
- 4 Memerlukan ruang dan masa yang lama untuk penyimpanan parcel
- 5 Terdapat lambakan parcel yang tidak dituntut.
- 6 Tiada satu sistem yang cekap dan efektif dalam pengurusan parcel.

Mengenalpasti Punca Masalah


PCC telah beroperasi sebagai Inkubator di PMM sejak 2020. Namun terdapat pelbagai rungutan daripada pengguna berkaitan kecekapan dan kaedah pengurusan di PCC. Oleh sebab itu, satu sesi **pemerhatian** dan **temubual** diadakan di PCC bersama **perantis** untuk mengenalpasti punca sebenar ketidakcekapan di PCC. Rajah 1 menunjukkan analisis punca masalah dan ia juga digambarkan melalui Kanvas Strategi Sedia Ada



Rajah 1: Kanvas strategi sedia ada

Penetapan Sasaran projek


Kumpulan MyPCC PMM Warriors telah mengatur strategi bagi mengatasi masalah yang diterangkan diatas dengan menggunakan kaedah analisis 4 **Langkah E.R.R.C.** Grid dalam NBOS. Rajah 2 dibawah menggambarkan langkah langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu/masalah ketidakcekan PCC di Politeknik Merlimau



Jadual 1 dibawah menggambarkan langkah langkah yang akan diambil sebagai sasaran penambahbaikan perkhidmatan bagi mengatasi punca masalah di PCC dan seterusnya Rajah 3 menunjukkan kanvas strategi to-be

Jadual 1: Sasaran penambahbaikan


Strategi	Langkah	Punca Masalah	Semasa%	Sasaran%
Strategi 1	<i>Eliminate</i>	Kaedah perekodan manual	100	0
Strategi 2	<i>Eliminate</i>	Tiada pelaporan sistematik	80	0
Strategi 3	<i>Eliminate</i>	Kesilapan rekod	70	50
Strategi 4	<i>Raise</i>	Tingkat kecekapan dengan mengurangkan masa menunggu dan ruang penyimpanan	50	70
Strategi 5	<i>Reduce</i>	Parcel yang tidak dituntut	30	90
Strategi 6	<i>Create</i>	Mencipta satu sistem aplikasi mudah alih untuk pengurusan parcel sehingga pelaporan dibuat	0	100



Rajah 3: Kanvas strategi to be

Cadangan Penyelesaian

Kumpulan MyPCC PMM Warriors menggunakan teknik *brain writing* bagi mengenalpasti cadangan penyelesaian. Rajah 4 dibawah menunjukkan senarai 5 cadangan penyelesaian bagi mengatasi punca masalah ketidakcekapan pengurusan PCC di Politeknik Merlimau.



Rajah 4: Teknik *brain writing*

Bagi memilih cadangan penyelesaian masalah yang terbaik dan mampu menyelesaikan dan mengurangkan masalah, analisis keupayaan ahli kumpulan dijalankan. Jadual dibawah menunjukkan penghasilan aplikasi mudah alih inovasi MyPCC dipilih sebagai cadangan penyelesaian masalah untuk penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di PCC kepada pengguna.

Jadual 2 :Analisis Keupayaan ahli untuk memilih cadangan penyelesaian masalah

Ahli	Idea	Persetujuan
Rashid	Membangunkan website PCC	3/5
Zue	Mewujudkan aplikasi mudah alih	5/5
Jay Jay	Menambah perantis PCC	2/5
Syahidah	Besarkan ruang PCC	2/5
Shila	Mewujudkan excel database	3/5

Keputusan majoriti bagi membangunkan inovasi sosial dengan mencipta satu aplikasi mudah alih iaitu MyPCC untuk menambahbaik perkhidmatan di PCC telah dipilih secara majoriti.

Masalah

Tiada satu sistem yang cekap dan efektif dalam pengurusan parcel

Punca

1. Kaedah perekodan manual
2. Tiada pelaporan sistematik
3. Kesilapan rekod
4. Tingkat kecekapan dengan pengurangan masa dan ruang
5. Parcel yang tidak dituntut



Penyelesaian

Mencipta satu aplikasi mudah alih iaitu MyPCC untuk menambahbaik perkhidmatan di PCC

TINDAKAN PENYELESAIAN


Strategi Penyelesaian

Hasil daripada sesi percambahan minda menggunakan kaedah brain writing dan diikuti analisis keupayaan ahli, Kumpulan MyPCC PMM Warriors mendapat idea kreatif menghasilkan satu sistem aplikasi mudah alih sebagai penyelesaian masalah dan penambahbaikan mutu perkhidmatan PCC yang dinamakan MyPCC. Rajah dibawah menunjukkan idea kreatif kumpulan MyPCC PMM Warriors yang diterjemahkan dalam bentuk 5W1H



Pembangunan Prototaip

